

Headline	Bayaran haji 2017 dijangka kekal		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	23 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	6	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	246 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,196
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,589



# Bayaran haji 2017 dijangka kekal



Adi Azuan (dua, kiri), Pengarah Tabung Haji Johor, Datuk Mokhzani Mukhtar (kiri) dan Noh (kanan) menyampaikan sumbangan TH kepada waris jemaah haji yang meninggal di tanah suci, di rumah mereka di Taman Suri, Ayer Hitam, semalam. -Foto: BERNAMA

**BATU PAHAT** - Lembaga Tabung Haji (TH) dijangka mengekalkan bayaran haji setiap jemaah meskipun bakal berdepan peningkatan kos 10 hingga 20 peratus tahun depan.

Ketua Pegawai Operasi TH, Datuk Adi Azuan Abdul Ghani berkata, bagi tahun ini, setiap jemaah membayar RM9,980 manakala TH menanggung subsidi sebanyak RM8,910 untuk setiap jemaah.

"Kos keseluruhan haji dijangka meningkat. Kos yang akan dibayar jemaah setakat ini tiada perubahan. Apa yang meningkat ialah jumlah subsidi TH kepada jemaah," katanya kepada pemberita di Taman Suria, Ayer Hitam, semalam.

Beliau berkata, kos keseluruhan haji bagi setiap jemaah tahun ini adalah RM18,890 dan dijangka mencecah RM20,000 tahun depan, berikutan kos perumahan dan penerbangan yang meningkat setiap tahun.

Pada tahun ini, TH memperuntukkan RM160 juta sebagai subsidi untuk kurangkan kos jemaah haji musim 2016.

Sementara itu, Adi Azuan berkata, operasi TH sepanjang musim haji tahun ini berjalan lancar tanpa ada sebarang insiden kemalangan besar seperti tahun lalu.

Buat masa ini, TH menumpukan perhatian untuk membawa pulang kira-kira 18,910 jemaah haji yang ma-

sih berada di tanah suci.

Terdahulu, Adi Azuan menziarahi keluarga seorang jemaah haji, Allahyarham Harun Juhari, 75, yang meninggal dunia pada 7 September di Makkah akibat jangkitan kuman di paru-paru.

Isteri Allahyarham, Sutini Sulaiman, 64, yang baru tiba dari tanah suci, semalam, reda pemergian suaminya dan mengucapkan terima kasih kepada TH kerana menguruskan semua proses termasuk pengebumian dan badal haji suaminya.

Turut hadir mengetuai tahlil di rumah Allahyarham ialah Penasihat Majlis Agama Islam Johor (Maij), Datuk Noh Gadut. - *Bernama*